

## Teknologi Jalur Lebar Mudah Alih HSPA Diminati di Kalangan Syarikat-Syarikat Sejagat

LONDON, September 23/PRNewswire/- Satu tinjauan\* yang ditugaskan oleh GSMA di 1000 buah syarikat daripada rantau Amerika Syarikat, Eropah dan Asia Pasifik telah mendapati bahawa teknologi Jalur Lebar Mudah Alih HSPA merupakan satu teknologi yang kian diminati oleh pemimpin-pemimpin IT dunia. Tinjauan mendedahkan satu angka yang tinggi bagi organisasi-organisasi global yang bergantung kepada HSPA untuk sambungan Jalur Lebar Mudah Alih berbanding dengan syarikat-syarikat yang menggunakan WiFi. Daripada organisasi yang ditinjau, 36% pengurus/pengarah dan CIO IT di seluruh dunia sekarang menggunakan HSPA sebagai kaedah utama untuk laluan Jalur Lebar Mudah Alih kakitangan mereka.

Dengan belanjawan untuk teknologi mudah alih syarikat seluruh dunia yang dijangka meningkat dua kali ganda untuk 12 bulan akan datang, menyokong kemudah alih kakitangan dan mendorong produktiviti merupakan salah satu keutamaan penting bagi kakitangan kanan IT. Jalur Lebar Mudah Alih HSPA nampaknya bersedia untuk menfaatkan peluang ini dengan 24% daripada syarikat-syarikat dunia menjangka teknologi ini akan menjadi piawai industri dalam masa lima tahun akan datang.

Tinjauan menunjukkan bahawa secara purata, 12.3% tenaga kerja global (setiap perusahaan) mempunyai laluan ke jalur lebar mudah alih. Angka ini dijangka akan meningkat sebanyak 25% dalam masa 12 bulan akan datang, memperkenalkan jutaan pengguna baru, apabila organisasi-organisasi mencari jalan untuk menggunakan kemudah ubah suaian yang dipertingkatkan, sambungan yang lebih pantas dan perolehan produktiviti yang didorong oleh sambungan Jalur Lebar Mudah Alih.

“Dapatan-dapatan memberikan satu kemungkinan sejagat yang amat menggalakkan bagi penembusan teknologi Jalur Lebar Mudah Alih HSPA dikalangan syarikat-syarikat,” kata Michael O’Hara, CMO di GSMA. “Keputusan menunjukkan dengan jelas bahawa syarikat-syarikat berminat untuk berinovasi dan mengakui akan kebebasan dan kemudah ubah suaian yang dibawa oleh Jalur Lebar Mudah Alih HSPA.”

Majoriti syarikat-syarikat yang ditinjau mendedahkan bahawa daripada peralatan yang mereka bekalkan kepada kakitangan sekarang, 70% daripada mereka membekalkan komputer riba, laluan VPN dan pelbagai lagi teknologi laluan jauh. Kerana mudah alih menjadi satu pertimbangan teknologi yang paling penting, penyediaan komputer meja sedang menurun. Ini dibuktikan lagi dengan fakta dimana 59% daripada organisasi-organisasi sejagat menyediakan kemudahan internet tanpa wayar kepada kakitangan mereka.

Walaupun kemungkinan untuk teknologi jalur lebar mudah alih syarikat secara sejagatnya nampak amat positif, tinjauan juga mendedahkan hanya jawatan-jawatan yang lebih tinggi (60% daripada pengarah syarikat, 62% pengurus) dan wakil jualan syarikat (39%) diberikan peranti-peranti jalur lebar mudah alih.

“Syarikat-syarikat sejagat memahami pentingnya kemudah alih dan kebebasan dan kemudah ubah suaian yang ditawarkan Jalur Lebar Mudah Alih HSPA dengan jelas,” sambung O’Hara. “Apabila ekosistem HSPA sejagat terus berkembang pada tahap yang belum lagi pernah dilihat, skala ekonomi yang ditingkatkan akan menjadikan HSPA lebih mudah dimiliki, dari segi harga dan liputan. Ini akan membuka peluang untuk teknologi ini diguna pakai dengan lebih meluas di syarikat-syarikat, kepada kakitangan dipelbagai tahap yang berlainan.”

Nota untuk penyunting

\*Tinjauan ini ditugaskan oleh GSMA dan dijalankan oleh Loudhouse. Sejumlah 1000 organisasi pelbagai saiz ditinjau daripada Amerika Syarikat, Eropah dan Asia Pasifik. Butir-butir demografi tinjauan secara terperinci boleh didapati diatas permintaan.

## Tentang GSMA

GSMA mewakili kepentingan industri komunikasi mudah alih seluruh dunia. Meliputi 219 buah negara, GSMA menyatukan hampir 800 operator mudah alih dunia, dan juga lebih daripada 200 buah syarikat di dalam ekosistem mudah alih yang lebih besar, termasuk pembuat telefon bimbit, syarikat perisian, pembekal peralatan, syarikat-syarikat Internet, dan organisasi-organisasi media dan hiburan. GSMA memberi tumpuan keatas menginovasikan, mengembangkan dan melahirkan peluang-peluang baru untuk ahli-ahlinya, semuanya dengan matlamat utamanya untuk mendorong pertumbuhan industri komunikasi mudah alih.

Sumber: GSMA

GSMA, Paul Nolan, Becky Kiely, Alexia da Silva, CCgroup,  
[mobilebroadband@ccgrouppr.com](mailto:mobilebroadband@ccgrouppr.com), T: +44-118-9207650